

## **Refleksi**

Nama : How Kah Hui  
No. Matrik : A18CS0074

Pada 27 Januari 2019, saya telah mengambil kelas pertama untuk UICL2320 Pemikiran Sains dan Teknologi. Pensyarah telah melakukan pemilihan ketua kelas pada hari pertama. Selepas memilih ketua kelas, kami dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut aturan ketua kelas. Kelima-lima kumpulan ini mempunyai semua etnik. Selepas itu, kami memulakan kelas pertama. Pada mulanya, pensyarah kami telah memperkenalkan kursus UICL2320 Pemikiran Sains dan Teknologi kepada kami. Selepas itu, pensyarah bermula pengajaran Bab 1 iaitu manusia & pemikiran.

Selepas pengajaran Bab 1 dan Bab 2, pensyarah telah menukar kaedah pengajaran. Kami telah menggunakan *mind map* untuk lebih memahami pengajaran Bab 3 dan Bab 4. Kami disuruh membuatkan *mind map* untuk kedua-dua Bab ini. Bukan itu sahaja, kami telah membuat kemas kini e-portfolio kami dengan menambahkan bahan-bahan untuk kursus UICL2320 Pemikiran Sains dan Teknologi.

Untuk Bab yang kelima, kami telah mencari video yang berkaitan tentang pemikiran sains dan teknologi merentas sempadan. Pengenalan video dilakukan daripada setiap kumpulan. Saya rasa bersyukur kerana dapat bekerjasama dengan ahli kumpulan saya iaitu kumpulan 2. Bab 6 berkaitan tentang perubahan paradigma pemikiran saintis Barat. Bagi bab ini kami telah membuatkan satu gambar yang berkandung gambar bersendiri dan ayat-ayat yang indah daripada Bab 6 ini.

Pada 1 April 2019, kami telah mengambil bahagian dalam seminar Pemikiran Sains dan Teknologi. Kami berkonsentrasi dalam seminar ini dan akhirnya kami perlu menulis satu laporan dan hantar segera. Saya rasa gembira kerana dapat menghadirkan diri dalam seminar tersebut dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang *Revolusi 4.0*.

Di samping itu, kami diberi tugas untuk menghasilkan satu *Group Storyboarding*. Kami diberi masa bagi menentukan topik video untuk kumpulan kami dalam kelas. Pada mula-mula, kami memberikan banyak cadangan untuk menghasilkan *Storyboarding* ini, tetapi kami tiada perselisihan antara salah satu sama lain. Tidak lama kemudian, kumpulan saya dapat satu keputusan untuk topik kami iaitu pembedahan plastik.

Selepas membuat keputusan mengenai topik itu, kumpulan saya telah menentukan satu masa untuk merakamkan video yang tentang pembedahan plastik. Saya rasa berpuas hati kerana kami telah berjaya menghasilkan video yang dipilih sebagai yang terbaik di kelas. Masa diberi seminggu untuk kumpulan lain yang ingin menambahbaikkan video mereka.

Akhirnya, pensyarah telah memberikan quiz yang mempunyai 4 *stage*. Kami perlu menyiapkan 1 *stage* sehari. Terdapat 4 jenis quiz yang berbeza dan berkaitan dengan pemikiran sains diberikan oleh pensyarah. Pada 4 May 2019, kelas terakhir sebelum peperiksaan akhir dijalankan.